

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS(2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK  
MOHAMAD [PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 23 MEI 2016 [ ISNIN ]**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan lanjutan daripada ramainya pendeposit Tabung Haji yang terpaksa menunggu giliran selama 77 tahun untuk mengerjakan haji. Apakah usaha Kerajaan untuk menyelesaikan harapan para pendeposit yang meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada Tabung Haji untuk menguruskan penunaian haji mereka sebelum umur meningkat tua.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani tempoh menunggu yang lama untuk menunaikan fardhu haji, Lembaga Tabung Haji (*TH*) telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya seperti berikut:-

- i. pendaftaran semula bakal haji hanya boleh dilakukan selepas lima (5) tahun dari tarikh kali terakhir menunaikan fardhu haji;
- ii. tidak menawarkan tempat untuk menunaikan fardhu haji kepada kanak-kanak di bawah 15 tahun walaupun telah berdaftar;
- iii. pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada bakal-bakal haji yang berusia 75 tahun ke atas untuk ke Tanah Suci lebih awal dari giliran. Namun, keutamaan diberikan kepada bakal jemaah yang belum pernah menunaikan fardhu haji serta telah lulus pemeriksaan kesihatan; dan
- iv. bakal haji untuk kali kedua (sebagai mahram / pembantu / pengiring bakal haji terpilih) tetapi dikenakan bayaran penuh tanpa ditanggung oleh **TH**.

Namun dalam keadaan-keadaan tertentu, jika ada kekosongan disebabkan ada yang menolak tawaran, maka **TH** mempertimbangkan memberi keutamaan tempat menunaikan haji lebih awal kepada bakal haji, antaranya adalah:-

- i. mahram kepada bakal haji wanita di bawah umur 45 tahun yang terpilih pada tahun semasa; dan
- ii. warga emas yang melebihi umur 75 tahun dan ke atas;

Apa pun usaha untuk memendekkan tempoh menunggu menunaikan haji, ia tidak boleh lari daripada keputusan pihak Kerajaan Arab Saudi meluluskan tambahan kuota haji tahunan untuk semua negara termasuk Malaysia.

Sekian. Terima kasih.